

**PENGALAMAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)
DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN WESTON
KETIKA PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP): KESAN
DAN KEBERKESANAN**

MAZIANAH BINTI MOHIDDIN

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGALAMAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)
DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN WESTON
KETIKA PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP): KESAN
DAN KEBERKESANAN**

MAZIANAH BINTI MOHIDDIN

**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA
SAINS SOSIAL**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH

NAMA : MAZIANAH BINTI MOHIDDIN
NO MATRIK : BA18110140
TAJUK : PENGALAMAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR) DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN WESTON KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP): KESAN DAN KEBERKESANAN
IJAZAH : SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (HUBUNGAN INDUSTRI)

DISAHKAN OLEH:

1. PENYELIA

PROF. MADYA DR DZURIZAH BINTI IBRAHIM

(Nama Penyelia)

(Tandatangan)



PENGAKUAN PELAJAR

Saya Mazianah Binti Mohiddin dengan ini mengakui bahawa Tesis Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian Hubungan Industri yang bertajuk "Pengalaman Bekerja dari Rumah (BdR) dalam Kalangan Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Weston ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP): Kesan dan Keberkesanannya" adalah hasil usaha saya sendiri melainkan ringkasan dan petikan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



(MAZIANAH BINTI MOHIDDIN)

BA18110140

Program Hubungan Industri

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji kesan dan keberkesanannya BdR dalam kalangan guru SMK Weston semasa PKP. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan instrument temu bual bersama 14 orang informan dalam kalangan guru SMK Weston untuk mendapatkan data maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang dipilih. Oleh yang demikian, dapatan kajian mendapati beberapa cabaran yang dihadapi guru sepanjang melaksanakan BdR. Antaranya adalah gangguan teknologi, persekitaran kerja, keseimbangan kerja dan kehidupan, tidak mengesan kefahaman pelajar, penglibatan pelajar dan tiada masa had bekerja. Gangguan yang dihadapi oleh guru memberi kesan kepada produktiviti guru terutama pengaruh daripada sokongan teknologi, konflik kerja dan keluarga serta persekitaran kerja. Hasil kajian juga mendapati bahawa BdR dalam kalangan guru kurang berkesan dilaksanakan kerana kurang kemudahan teknologi dalam kalangan pelajar dan halangan kestabilan internet dalam kalangan guru terutama guru yang tinggal dikawasan pedalaman. Kesimpulannya, kajian ini dijalankan memberi impak besar kepada guru dan juga pihak yang bertanggungjawab untuk terus peka dan sedar akan isu-isu yang timbul agar masalah dapat diperbaiki.

Kata Kunci: Bekerja dari Rumah, Cabaran, Produktiviti, Keberkesanannya dan Guru

ABSTRACT

This study was conducted to examine the effect and effectiveness of WFH among SMK Weston during PKP. This study uses a qualitative method by using an interview instrument with 14 informants among SMK Weston teachers to obtain data related to the selected topic. Therefore, the findings of the study found several challenges faced by teachers throughout the implementation of WFH. Among them are technological disruptions, work environment, work -life balance, not tracking student comprehension, student engagement and no working time limit. Disruptions faced by teachers affect teacher productivity especially the influence of technological support, work, and family conflicts as well as the work environment. The results of the study also found that WFH among teachers is less effectively implemented due to lack of technological facilities among students and barriers to internet stability among teachers, especially teachers living in rural areas. In conclusion, this study was conducted to give a great impact to teachers and those responsible to remain sensitive and aware of the issues that arise so that the problem can be improved.

Key Words: Work from Home (WFH), Challenge, Productivity, Effectiveness and Teacher.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulilah ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan kurniaNya untuk saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Malalui ruangan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Prof Madya Dr. Dzuriah Binti Ibrahim atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang telah diberikan kepada saya dalam membantu saya untuk menghasilkan dan menyempurnakan Latihan Ilmiah dengan jayanya. Tidak dilupa juga kepada barisan pensyarah dan Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan atas sokongan dan nasihat yang telah diberikan kepada saya semasa pelaksanaan Latihan Ilmiah berlangsung.

Terima kasih kepada guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Weston dan Jabatan Pelajaran Daerah Beaufort kerana memberi kebenaran kepada saya dan memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapatkan data. Ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya, Mohiddin Moktar dan Kasmah binti Hamid serta kakak-kakak saya yang telah menjadi tulang belakang saya sepanjang saya bergelar pelajar. Tanpa doa, sokongan dan pengorbanan mereka saya tidak boleh lakukan yang terbaik untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu saya dalam menghilangkan segala kekeliruan yang timbul dan sokongan moral kepada saya semasa berdepan dengan cabaran pembelajaran secara alam maya secara penuhnya.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam memberi bantuan dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Oleh yang demikian, saya berhadap penyelidikan ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan ilmu yang berguna untuk generasi yang akan datang.

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH	i
PENGAKUAN PELAJAR	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi-ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Latar Belakang Kajian	2-4
1.3 Permasalahan Kajian	4-7
1.4 Persoalan Kajian	7-8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Metodologi Kajian	8
1.6.1 Reka Bentuk Kajian	9
1.6.2 Kaedah Pengumpulan Data	9
1.6.2.1 Data Sekunder	9
1.6.2.2 Data Primer	10
1.6.3 Persampelan	10

1.6.4 Analisis Data	10
1.7 Kepentingan Kajian	11-12
1.8 Struktur Penulisan Latihan Ilmiah	12
1.9 Rumusan Bab	13

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	14
2.2 Definisi Konseptual	15-18
2.3 Sejarah Bekerja dari Rumah (BdR)	18-21
2.4 Kelebihan Bekerja dari Rumah	21-23
2.5 Kelemahan Bekerja dari Rumah	23-24
2.6 Cabaran Bekerja dari Rumah	24-31
2.7 Kesan BdR terhadap Produktiviti	31-36
2.8 Keberkesanan Bekerja dari Rumah	36-37
2.9 Teori yang berkaitan	37-40
2.10 Kerangka Konseptual Kajian	40-41
2.11 Rumusan Bab	41-42

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	43
3.2 Reka Bentuk Kajian	43-44
3.3 Teknik Persampelan	44
3.3.1 Persampelan Bertujuan	44-45
3.4 Prosedur Pengumpulan Data	45
3.4.1 Prosedur Pengumpulan Data Melalui Temu Bual	45-48

3.5 Kaedah Pengumpulan Data	48
3.5.1 Data Sekunder	48-49
3.5.3 Data Primer	49-50
3.6 Penganalisisan Data	50
3.6.1 Teknik Analisis Tematik	50-51
3.6.1.1 Memahami Data	51-51
3.6.1.2 Pengekodan	52
3.6.1.3 Tema	52
3.7 Rumusan Bab	53

BAB 4: DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	54
4.2 Latar Belakang Informan	54-59
4.3 Cabaran BdR Guru SMK Weston semasa PKP	59-80
4.4 Kesan BdR terhadap Produktiviti Guru SMK Weston semasa PKP	80-92
4.5 Keberkesanan BdR dalam Kalangan Guru SMK Weston semasa PKP	92-96
4.6 Perbincangan antara Dapatan Kajian dan Kajian Lepas	96-101
4.7 Rumusan Bab	101

BAB 5: RUMUSAN

5.1 Pengenalan	102
5.2 Rumusan Perbincangan Objektif 1: Cabaran BdR Guru SMK Weston Semasa PKP	102-105
5.3 Rumusan Perbincangan Objektif 2: Kesan BdR terhadap Produktiviti Guru SMK Weston semasa PKP	105-106

5.4 Rumusan Perbincangan Objektif 3: Keberkesanan BdR dalam Kalangan Guru SMK Weston semasa PKP	107
5.5 Implikasi dan Cadangan Kajian	107-109
5.6 Limitasi dan Kajian Masa Depan	109
5.7 Rumusan Bab	109-110
RUJUKAN	110-131
LAMPIRAN 1	132
LAMPIRAN 2	133-142

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
3.4.1 Contoh Soalan Temu Bual	46-47
4.2.1 Data Demografi Informan	54-57



SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 1 Kerangka Konseptual Kajian	41
Rajah 2 Proses Analisis Data Tematik	51
Rajah 3 Kerangka Konseptual dan Dapatan Kajian	100



SENARAI SINGKATAN

BdR	-	Bekerja dari Rumah
ICT	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
ESL		English Second Language
GM	-	Google Meet
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
KPI	-	Key Performance Index
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
MKN	-	Majlis Keselamatan Negara
PPD	-	Pejabat Pendidikan Negeri
PdP	-	Pembelajaran dan Pengajaran
PdPC	-	Pengajaran dan Pemudahcara
PdPR	-	Pembelajaran dan Pengajaran dari Rumah
PKP	-	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPD	-	Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan
PKPB	-	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKPP	-	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
PnP	-	Pembelajaran dan Pengajaran
SOP	-	Prosedur Operasi Standard
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ilmiah ini bertajuk "Pengalaman Bekerja dari Rumah (BdR) dalam Kalangan Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Weston, Sabah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP): Antara Kesan dan Keberkesanan. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji keberkesanan BdR di kalangan guru sekolah dan kesan BdR terhadap produktiviti guru. Malahan, ianya juga bertujuan untuk mengetahui cabaran dan halangan yang dihadapi oleh guru sepanjang melaksanakan tugas secara BdR. Kementerian Kesihatan Malaysia (2020) mendefinisikan Coronavirus atau Covid-19 merupakan sejenis penyakit yang boleh menyebabkan jangkitan pada saluran pernafasan daripada selesema biasa kepada radang paru-paru yang sangat teruk. Oleh itu, bagi mengelakkan Covid-19 merebak secara meluas kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mengambil keputusan untuk menutup beberapa sektor pekerjaan termasuk sektor perkhidmatan pendidikan.

BdR merupakan salah satu alternatif yang disarankan oleh pihak kerajaan Malaysia yang digunakan oleh kebanyakan negara untuk memastikan organisasi dapat beroperasi dengan lebih berkesan. Menurut Mungkasa (2020), BdR atau *Work from Home* merupakan perkara penting yang perlu diterapkan untuk memastikan organisasi terus beroperasi walaupun dalam situasi Covid-19 bagi mengelakkan risiko jangkitan Covid-19 dan interaksi secara bersemuka berlaku. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengarahkan warga pendidik sama ada swasta mahupun kerajaan untuk menjalankan tugas mereka daripada rumah dengan menggunakan teknologi pintar seperti telefon pintar, rangkaian internet

dan komputer. Guru boleh menggunakan pelbagai pautan sebagai platform pengajaran secara atas talian seperti Google Classroom, Zoom dan sebagainya.

Perbincangan pada bab ini hanya tertumpu kepada gambaran awal kajian seperti permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, persoalan kajian, latar belakang kajian dan lain-lain. Di samping itu, perkara yang penting juga akan dibincangkan dalam bab ini iaitu mengenai metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Bendriyanti (2020), *Work from Home* merupakan sebahagian daripada istilah Bekerja Jarak Jauh atau *telecommuting* atau lebih tepatnya BdR, dimana pekerja tidak perlu datang ke pejabat secara bersemuka dengan pekerja lain. *International Labour Organization* (2020) mendefinisikan BdR sebagai pengaturan kerja di mana seseorang memenuhi tanggungjawab penting pekerjaannya semasa berada di rumah dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). BdR lebih fleksibel dan memberikan keseimbangan hidup berbanding bekerja di pejabat. Namun, ianya mempunyai tanggungjawab dan peranan yang sama seperti bekerja di pejabat (Irawanto, 2020). BdR dan Kerja Jarak Jauh sebenarnya tidak mempunyai perbezaan dari segi istilah, namun ianya berbeza dari segi peraturan syarikat tempat mereka bekerja.

BdR bukanlah sesuatu yang baru dalam dunia pekerjaan pada masa kini kerana pada mulanya BdR mula digunakan dan terkenal pada tahun 1970-an yang merupakan salah satu usaha untuk mengatasi kesesakan lalu lintas dari perjalanan rumah ke tempat kerja dan tempat kerja ke rumah setiap hari dan pada tahun 1980 bekerja jarak jauh mula bangkit kepada pekerjaan yang lebih fleksibel untuk mengimbangi keseimbangan bekerja dan kehidupan keluarga (Mungkasa, 2020). Sebaliknya, ianya juga memberikan faedah kepada syarikat terutama kepada kos operasi syarikat. Namun, ianya bukan sesuatu yang mudah untuk diaplikasikan dalam masa yang singkat dan memerlukan masa yang lama untuk diadaptasi oleh

pekerja serta memerlukan alat kerja dan komunikasi yang mencukupi agar ianya lebih berkesan dan produktif.

Di Malaysia, BdR bukan menjadi budaya kerja yang diamalkan dalam organisasi dan terdapat beberapa organisasi telah memberikan kelonggaran kepada pekerja untuk bekerja secara BdR terutama kepada pekerja wanita yang berkeluarga. Namun, ianya berubah setelah pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia termasuk Malaysia menyebabkan BdR ini merupakan sesuatu normal baru yang perlu diamalkan untuk mengelakkan penyebaran Covid-19 semakin merebak. Sudah tentu banyak syarikat telah beralih bekerja secara BdR. Menurut Marissa (2020), pekerja yang bekerja dalam mana-mana sektor mempunyai risiko tinggi untuk terjangkit kerana terdapat interaksi secara bersemuka yang berlaku dan BdR merupakan salah satu kaedah yang terbaik digunakan untuk mengelakkannya.

Covid-19 merupakan sejenis penyakit yang pada mulanya berasal daripada Wuhan China dan mula merebak ke seluruh dunia termasuk Malaysia. *World Health Organization* mengeluarkan statistik mengenai Covid-19 pada bulan Mac dengan mencatatkan seramai 780, 508 orang positif Covid-19 di seluruh dunia dan seramai 36, 800 orang telah meninggal dunia dan kes ini terus meningkat dengan begitu ketara setiap hari hingga mencecah 1 juta orang positif Covid-19 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2020), kes pertama positif Covid-19 di Malaysia mula dikenalpasti berlaku pada 24 Januari 2020 yang melibatkan kes import iaitu warga China yang melancong di Malaysia dan menyebabkan wujudnya kluster-kluster baru sehingga kes Covid-19 semakin meningkat lima kali ganda dari dua angka kepada tiga angka. Hal ini telah menimbulkan keresahan kepada semua pihak

Oleh yang demikian, untuk mengurangkan penularan wabak covid-19, Perdana Menteri Malaysia Dato Muhyiddin Bin Yassin telah mengumumkan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020 (Pejabat Perdana Menteri, 2020). Sekatan jalan telah dilakukan di seluruh Malaysia dan rakyat Malaysia dinasihatkan untuk terus kekal berada di rumah. Kesan daripada penularan Covid-19 mempengaruhi perkembangan sebahagian besar ekonomi dunia, malahan Malaysia juga turut terkesan akibat penularan ini

dan terdapat banyak sektor pekerjaan yang tidak dibenarkan untuk terus beroperasi menyebabkan ekonomi Malaysia semakin perlahan sehingga mencatatkan KDNK negara menguncup sebanyak 17.1 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Penutupan sektor pekerjaan ini juga termasuk sektor perkhidmatan yang merangkumi institusi pendidikan dan sekolah. Walaupun penutupan semua sekolah di Malaysia ditutup terdapat alternatif yang telah digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan guru dapat menjalankan PnP dengan lebih berkesan iaitu guru sekolah sama ada swasta mahupun kerajaan diarahkan untuk bekerja secara BdR (Fauziana, 2020). PnP boleh dilakukan secara atas talian dengan menggunakan platform digital yang sedia ada untuk membantu guru untuk melaksanakan tugas.

Menurut Rahayu (2020), institusi pendidikan dan sekolah perlu beroperasi dengan menggunakan kaedah yang berbeza untuk memastikan matlamat dan agenda pendidikan dapat dilestarikan selaras dengan matlamat dan agenda pendidikan Malaysia. Justeru itu, BdR merupakan sesuatu yang baru kepada warga pendidik kerana pada dasarnya guru mengajar secara bersemuka kepada anak muridnya. Kajian ini akan dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Weston yang terletak di kawasan luar bandar dan mempunyai seramai 46 orang guru sahaja.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

World Health Organization menyatakan bahawa pandemik Covid-19 adalah wabak yang berterusan sehingga kini dan tidak ada vaksin yang ditemui yang mampu merawat penyakit ini (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Peningkatan kes Covid-19 memberi kesan yang ketara kepada aktiviti sosial dan ekonomi dan memerlukan tindakan yang sesuai untuk mengatasinya. Peningkatan penularan Covid-19 dapat diatasi dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan dengan mengawal sempadan dan menghadkan pergerakan rakyat dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat dan mengamalkan normal baru seperti kerap basuh

tangan, memakai pelitup muka dan menggunakan pensanitasi tangan (hand sanitizer). Pada masa yang sama, BdR juga merupakan normal baru yang perlu diamalkan dalam sektor pekerjaan untuk memastikan organisasi dapat beroperasi secara berterusan semasa Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan. BdR mempunyai faedah dan kebaikannya termasuk pengurangan masa perjalanan, lebih fleksibel, keseimbangan kerja dengan kehidupan yang lebih baik, menjimatkan kos, mengurangkan penularan Covid-19 dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, dalam sektor pendidikan dan sektor lain BdR ini merupakan penerapan budaya kerja baru yang diamalkan di Malaysia berbanding dengan negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun yang sudah lama mengamalkannya. Penerapan BdR mempunyai cabaran dan rintangan yang tidak mudah untuk dilalui oleh guru kerana terdapat faktor yang mempengaruhi pelaksanaan BdR seperti kekurangan alat kerja, halangan komunikasi, gangguan persekitaran teknikal dan sosial seperti gangguan keluarga dan gangguan bekalan elektrik (Bendryanti, 2020).

Pengarah Eksekutif MEF Datuk Shamsuddin Bardan telah berkata dalam kenyataan rasmi bahawa Persatuan-Persatuan Majikan-Majikan Malaysia telah menyifatkan bahawa terdapat segelintir majikan dan pekerja tidak bersedia untuk melaksanakan rutin tugas daripada rumah (Suzalina, 2020). Keadaan Covid-19 yang mendesak telah menyebabkan pekerja perlu menghadapinya dengan kekurangan persediaan terutamanya dari segi mental, fizikal dan kemudahan kelengkapan seperti komputer riba, akses internet dan sebagainya (Al-Marzooqi dan Al-Aamer, 2020). Kekurangan kelengkapan ini mengurangkan kemampuan pekerja untuk terus melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Kemajuan teknologi telah menyebabkan perubahan yang begitu ketara dalam sektor pekerjaan terutama dalam situasi Covid-19. Penggunaan kemudahan teknologi dan komunikasi digunakan begitu ketara disebabkan pekerja mulai bekerja secara BdR terutama dalam sektor pendidikan. Kemudahan teknologi memainkan peranan yang penting untuk memastikan guru dapat melaksanakan tugas secara BdR. BdR sangat bergantung pada teknologi dan peralatan teknikal dan ia mempengaruhi produktiviti pekerja. BdR mengakibatkan interaksi guru,

murid dan rakan sekerja makin berkurangan dan mengakibatkan kualiti proses pengajaran juga menurun kerana tiada interaksi secara langsung sepanjang proses pengajaran (Cicilia, 2020). Tetapi, ianya perlu dilakukan untuk memastikan matlamat dan agenda pendidikan dapat dilestarikan dan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) boleh dilakukan dengan menggunakan pelbagai aplikasi yang sedia ada seperti *Zoom*, *Google Meet* dan sebagainya. Namun, ianya memerlukan akses internet yang stabil dan kemudahan untuk melaksanakannya.

Hal yang demikian, Thorstensson (2020) mendapati bahawa akses internet yang pantas dan peralatan teknologi yang sesuai akan mempengaruhi produktiviti pekerja yang bekerja secara BdR dan jika terdapat sekatan dan kesukaran untuk berkomunikasi dengan baik dan menghantar data dan maklumat kerja maka ianya akan menjaskan produktiviti pekerja. Mustajab (2020) mendapati bahawa produktiviti kebanyakan pekerja yang bekerja secara BdR merosot dan hal ini disebabkan oleh kekurangan kemudahan untuk menyokong pekerjaan tersebut seperti komputer, rangkaian internet dan beberapa gangguan yang lain. Bukan itu sahaja, kajian Wu dan Chen (2020) juga mendapati bahawa beban kerja yang tinggi menyebabkan produktiviti pekerja menurun dan dipengaruhi oleh masalah teknikal seperti kekurangan kecekapan teknologi komunikasi.

Selain itu, BdR juga memerlukan disiplin yang tinggi untuk mengikuti jadual bekerja semasa bekerja di rumah. Walaupun pekerja mempunyai kebebasan untuk menentukan jadual kerja, namun tidak semua pekerja mempunyai disiplin yang tinggi. Hal ini menyebabkan pekerja lalai dan alpa untuk melakukan kerja. BdR boleh dilakukan dengan berkesan dengan syarat pekerja perlu mempunyai disiplin diri, pengurusan masa yang baik, kemampuan, kesediaan dan motivasi dalaman untuk bekerja secara BdR (Thorstensson, 2020). Bukan itu sahaja, pekerja juga memerlukan persekitaran yang kondusif dan selesa serta memerlukan tempat yang khusus untuk melakukan tugas. Hal ini kerana, suasana kerja di rumah tidak sama seperti di pejabat dan pekerja mudah terganggu dengan media sosial dan hiburan. Akhirnya, banyak kerja yang akan tertangguh yang membolehkan pekerja mengalami tekanan.

Walau bagaimanapun, BdR merupakan aturan kerja yang paling berkesan digunakan kerana membantu mengurangkan risiko penularan Covid-19 dan ianya juga membantu memastikan agar operasi organisasi dapat dijalankan dengan baik. Namun, Purwanto (2020) menyatakan bahawa terdapat sesetengah orang masih meragukan keefektifannya. Sebanyak 62.5% guru di Indonesia lebih menyukai bekerja di pejabat berbanding secara BdR. Hal ini kerana, ianya bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan bagi seseorang guru kerana ianya memerlukan persediaan untuk menghadapinya dan memerlukan prosedur kerja yang jelas agar guru dapat bekerja secara produktif. Intipati dalam prosedur kerja tersebut perlu dinyatakan dengan terperinci seperti jam kerja harian, penyerahan tugas dan sebagainya. Prosedur BdR yang baik mempengaruhi tindakan yang dilakukan oleh pekerja.

Kesimpulannya, BdR merupakan sesuatu yang sukar untuk dilakukan oleh pekerja kerana terdapat faktor yang menghalang keberkesanannya dan mempengaruhi kesan kepada produktiviti pekerja. Oleh itu, pekerja terpaksa akur dengan pelaksanaan ini dengan keadaan tiba-tiba dan tidak bersedia yang menyukarkan pekerja untuk mengaplikasikan persekitaran kerja baru secara BdR. Bukan itu sahaja, kemudahan teknologi memainkan peranan yang utama dalam dunia pekerjaan kini yang berasaskan atas talian. Malangnya, kemudahan ini pada tahap yang tidak memberangsangkan untuk menyokong BdR untuk dilaksanakan. Oleh itu, tidak dinafikan BdR adalah kaedah yang terbaik yang dilakukan untuk membendung penularan Covid-19, namun BdR perlu disokong dengan kemudahan dan ketersediaan yang cukup agar tidak menjelaskan motivasi dan produktiviti pekerja.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1.4.1 Apakah cabaran BdR guru SMK Weston semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?

1.4.2 Bagaimana BdR memberi kesan produktiviti guru SMK Weston semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?

1.4.3 Adakah BdR dalam kalangan guru SMK Weston berkesan semasa Perintah Kawalan Pergerakan berkesan?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1.5.1 Mengkaji cabaran BdR guru SMK Weston semasa Perintah Kawalan Pergerakan.

1.5.2 Mengkaji kesan BdR terhadap produktiviti guru SMK Weston semasa Perintah Kawalan Pergerakan.

1.5.3 Mengenalpasti keberkesanan BdR dalam kalangan guru SMK Weston semasa Perintah Kawalan Pergerakan

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah kaedah sesuatu kajian yang dijalankan meliputi langkah dan tatacara yang digunakan untuk mencapai semua objektif kajian yang melibatkan hipotesis, teknik, instrumen dan skop kajian yang digunakan untuk mengumpul, menguji dan menganalisis maklumat dan data kajian (Berawi, 2017). Metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik perlu sesuai untuk menjawab segala persoalan yang ada dalam penyelidikan. Beberapa aspek yang akan dibincangkan dalam bahagian ini dengan lebih terperinci iaitu mengenai reka bentuk kajian, persampelan, pengutipan data dan analisis data.

1.6.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan kaedah yang digunakan secara keseluruhan yang dipilih untuk menangani masalah kajian (Berawi, 2017) dan bertujuan untuk mengolah data yang dihasilkan berdasarkan perancangan yang khusus dan sistematik (Hua, 2016). Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif yang digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat dengan menggunakan instrumen temubual. Pengkaji menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan data dan maklumat yang lebih terperinci daripada informan dengan mencatat menggunakan nota lapangan untuk menyokong dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang akan dijalankan.

1.6.2 Kaedah Pengumpulan Data

Menurut Berawi (2017), pengumpulan data bertujuan untuk mengumpul maklumat dan data kajian, menambah pangkalan data dan menjadi rujukan kepada penyelidikan lain dalam bidang yang sama. Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data melalui data sekunder dan data primer.

1.6.2.1 Data Sekunder

Pengkaji menggunakan kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat untuk memahami kajian yang dilakukan. Penyelidikan pustakaan adalah teknik yang sering digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data dan bukti yang berkaitan dengan Pengalaman BdR. Pengkaji boleh mendapatkan semua maklumat dan data daripada laman web perpustakaan atau perpustakaan yang berhampiran. Setiap data dan maklumat yang diperolehi oleh pengkaji akan digunakan secara keseluruhan dalam semua bab iaitu bab 1 hingga bab 5.

1.6.2.2 Data Primer

Pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat dan data daripada guru Sekolah Menengah Kebangsaan Weston berdasarkan tajuk kajian iaitu Pengalaman BdR yang merupakan kaedah yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk membendung penularan wabak Covid-19 di Malaysia. Pengkaji boleh menggunakan kaedah temu bual secara langsung atau tidak langsung.

1.6.3 Persampelan

Dewan Bahasa dan Pustaka (2016) mendefinisikan persampelan sebagai proses, kaedah atau tatacara memilih sampel. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Weston sebagai sampel. Populasi dan sampel kajian ini adalah terdiri daripada guru yang bekerja dari rumah iaitu sebanyak 14 orang guru yang diperlukan untuk memenuhi keperluan kajian ini.

1.6.4 Analisis Data

Analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan analisis tematik untuk menganalisis data temubual yang telah diperolehi oleh pengkaji (Braun dan Clarke, 2012). Pada proses yang pertama, pengkaji akan mengumpul data yang telah diperolehi melalui temubual semasa dilapangan. Pada masa yang sama, data yang diperolehi oleh pengkaji ketika dilapangan akan dicatat atau dirakam sebagai bukti sokongan. Setelah itu, pengkaji akan pengekodan data iaitu memulakan proses pemilihan, pengabstrakan dan transformasi data daripada catatan yang telah diperoleh ketika dilapangan. Proses seterusnya, pengkaji akan membuat penyampaian data mengikut tema di mana pengkaji akan mengumpul maklumat dan mempersempahkan data tersebut dalam bentuk teks naratif dan menggabungkan semua maklumat yang disusun dalam bentuk koheran. Langkah terakhir, pengkaji akan membuat kesimpulan daripada data yang telah diperolehi.

RUJUKAN

- Abdul, P. and Awan, G. 2015. Impact of Working Environment on Employee's Productivity: A Case Study of Banks and Insurance Companies in Pakistan, 7(1), 329–346.
- Abdullah, N. A. A., Rahmat, N. H., Zawawi, F. Z., Khamsah, M. A. N., & Anuarsham, A. H. Coping with Post Covid-19: Can Work from Home be a New Norm? *European Journal of Social Sciences Studies*, 5 (6), 61-81.
- Abioro, M. A., Oladejo, D. A., & Ashogbon, F. O. 2018. Work Life Balance Practices and Employees Productivity in the Nigerian University System. *Crawford Journal of Business and Social Sciences*, 8 (2), 49-59.
- Ada Hui, K. W., & Joyce, O. C. 2020. Promoting Effectiveness of "Working From Home": Findings from Hong Kong Working Population Under Covid-19. *Asian Education and Development Studies*.
- Ademuyiwa, J. A., Dahunsi, T. N., Adetunji, A. A., & Adeniran, A. O. Work-Family Conflicts among Female Staff of Higher Institutions in Nigeria. *Journal of Family Issues*, 1-16.
- Afni, S., & Sri Luna, M. 2020. Impact Work from Home Policy on Behavior and Productivity of Lecture and Education Staff. *Proceeding on Economic and Business Series*. 1 (1), 10-19.
- Afrianty, T. W., Artatanaya, G., & Burgess, J. 2021. Working from Home Effectiveness during Covid-19: Evidence from University Staff in Indonesia. *Asia Pacific Management Review*.
- Agota, G. R., Rapuano, V., Varkuleviciute, K., & Stachova, K. 2020. Who is Happy? A Survey of Lithuania's Employees During the Covid-19 Quarantine Period. *Sustainability*, 1-21.
- Alhojailan, M. I. 2012. Thematic Analysis: A Critical Review of its Process and Evaluation. *West East Journal of Social Sciences*, 1 (1), 39-47.

- Akkirman, A. D., & Harris, D. L. 2005. Organizational communication satisfaction in the virtual workplace. *Journal of Management Development*, 24(5), 397–409.
- Allen, T. D., Merlo, K., Lawrence, R. C., Slutsky, J., & Gray, C. E. 2021. Boundary Management and Work-Nonwork Balance While Working from Home. *Applied Psychology: An International Review*, 70 (1), 60-84.
- Allen, T. D., Golden, T. D., & Shockley, K. M. 2015. How Effective is Telecommuting? Assessing the Status of Our Scientific Findings. *Association for Psychological Science*, 16 (2), 40-68.
- Alghaithi, A., & Sartawi, K. 2020. Improving Remote Employees' Organizational Productivity-Practical Guidelines for Identifying and Managing Bottlenecks in Today's World. *Journal of Business and Management*, 22 (2), 63-74.
- Al- Marzooqi, B. & Al- Aamer, F. 2020. Worker Perception on Working from Home During Covid-19 Pandemic Evidence from Bahrain. SSRN 3643890.
- Amir, S. (2020). Tempoh PKP Peluang IPT Maju Pembelajaran Maya. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/04/671644/tempoh-pkp-peluang-iptmaju-pembelajaran-maya-pada-3-julai-2021>.
- Anisah., Gistituati, N., & Rusbinal. 2020. Analysis of Factors Affecting Teachers' Productivity. Proceedings of the 2nd International Conference Innovation in Education, 504, 395-399.
- Audrone, N., Buciuniene, I., & Gostautaite, B. 2019. Working From Home: Characteristics and Outcomes of Telework. *International Journal of Manpower*.
- Arntz, M., Berlingieri, F., & Yahmed, S. B. 2020. Working from Home and Covid-19: The Chances and Risk for Gander Gaps. *Intereconomics*, 55, 381-386.
- Arsaythamby. V., & Wirda, H. Z. 2011. Atribut Sistem Penilaian Prestasi Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru. *International Journal of Management Studies* (IJMS) 18 (1), 197–216.

- Ashforth, B. E., Kreiner, G. E., & Fugate, M. 2000. All in a Day's Work: Boundaries and Micro Role Transitions. *Academy of Management Review*, 25, 472-491.
- Awan, A. G., & Tahir, M. T. 2015. Impact of Working Environment on Employees Productivity: A case Study of Banks and Insurance Companies in Pakistan. *European Journal of Business and Management*, 7 (1), 329-345.
- Awang, A. (2020). 324 Menara Komunikasi Baharu akan dibina di Sabah. Dipetik daripada [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/728143/324-menara-komunikasi-baharu-akan-dibina-di-sabah pada 26 Jun 2021](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/728143/324-menara-komunikasi-baharu-akan-dibina-di-sabah-pada-26-jun-2021).
- Baard, N., & Thomas, A. 2010. Teleworking in South Africa: Employee Benefits and Challenges. *Journal of Human Resource Management*, 8 (1), 1-10.
- Bao, L. Li, T., Xia, X., Li, H., & Yang, X. 2020. How Does Working From Home Affect Developer Productivity?: A Case Study of Baidu During Covid-19 Pandemic. Empire Software Eng.
- Basile, K. A., & Beauregard, T. A. 2021. Boundary Management: Getting the Work-Home Balance Right.
- Bayrak, T. 2012. IT Support Services for Telecommuting Workforce. *Telematics and Informatics*, 29, 286-293.
- Beauregard, T. A., Basile, K., & Canonico, E. 2013. Home is where the Work is: A New Study of Homeworking in Acas and Beyond. *Acas Research Paper*, 10 (13).
